

14/07/2002

Jawatan TPM mempunyai sejarah tersendiri

Kadir Dikoh

EMPAT hari selepas namanya diumumkan sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dilihat menaiki pesawat eksekutif bersama Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dari Kuantan ke Kuala Lumpur.

Kedua-duanya dikatakan duduk bersebelahan dalam pesawat jenis Falcon 900 itu dalam penerbangan yang memakan masa 30 minit, terus ke pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang, Ahad lalu.

Malah sehari sebelum itu, Najib turut menaiki pesawat yang sama dengan Abdullah dari Kuala Lumpur ke Kuantan, kerana kedua-duanya menghadiri satu majlis di Pahang selain menemui pemimpin Badan Perhubungan Umno negeri itu.

Apakah itu secara kebetulan atau dirancang untuk berbincang dari hati ke hati di dalam pesawat yang keadaannya lebih kondusif? Mungkinkah kepemimpinan masa depan sudah diatur dalam Falcon 900?

Pada sidang akhbar di Kuantan itu, Abdullah ketika ditanya wartawan antara lain menyatakan bahawa siapa yang bakal menjadi timbalannya apabila mengambil alih kepemimpinan parti dan negara Oktober tahun depan, akan diputuskan selepas pilihan raya kecil Pendang dan Anak Bukit.

Khamis ini, pilihan raya kecil sampai ke kemuncaknya dan ramai tertunggu-tunggu pengumuman keputusan selain penjelasan Abdullah mengenai orang nombor dua selepas beliau menjadi orang nombor satu. Apa pun, beliau mungkin tidak mengumumkan perkara itu serta merta minggu depan.

"Atau Abdullah hanya berbuat demikian selepas Oktober tahun depan iaitu selepas mengambil alih pucuk pimpinan secara rasmi daripada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata seorang pemerhati.

Katanya, Abdullah mungkin mahu meredakan ketegangan serta mahukan ahli Umno menumpukan perhatian kepada pilihan raya kecil itu, menyebabkannya mengeluarkan kenyataan akan mengumumkan bakal penggantinya selepas Pendang dan Anak Bukit.

Abdullah bijak mengelak dengan tidak menyatakan pendirian apabila ditanya pemberita di Kuantan pada masa itu, sama ada beliau bersetuju dengan penamaan Najib oleh Dr Mahathir sebagai bakal timbalan perdana menteri.

Berikutan itu, pelbagai andaian timbul. Dua lagi Naib Presiden iaitu Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin, jika mengikut tradisi dalam Umno, turut berpeluang.

Pada zaman Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri dan Presiden Umno, dua Naib Presiden yang paling kanan dan dua Naib Presiden nombor dua menjadi pilihannya untuk menyandang jawatan nombor dua, meskipun sejarah sebelum itu membuktikan Naib Presiden nombor tiga termasuk Dr Mahathir sendiri adalah mereka yang sentiasa bernasib baik.

Naib Presiden paling kanan yang dipilih Dr Mahathir sebagai orang nombor dua ialah Tan Sri Musa Hitam dan Datuk Seri Anwar Ibrahim, tetapi kedua-duanya tersadai di situ. Apabila Tun Ghafar Baba dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri, beliau adalah Naib Presiden nombor dua selepas Tengku Razaleigh Hamzah dan nombor tiga ketika itu ialah Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, bekas Menteri Besar Terengganu.

Pada Januari 1999 pula, Dr Mahathir memilih Abdullah, juga nombor dua selepas Najib, sebagai Timbalan Perdana Menteri.

"Pada 1999 itu, keadaannya berbeza sedikit apabila Pak Lah dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri walaupun menduduki jawatan naib presiden nombor dua selepas Najib. Ketika itu, ada rasional memilih Pak Lah

termasuk imejnya yang bersih dalam keadaan yang masih diselubungi oleh isu Anwar," kata Ahli Parlimen Tambun, Datuk Husni Hanazlah.

"Tetapi kini, pemilihan Najib pada saya adalah tepat kerana beliau Naib Presiden paling kanan. Kita tak boleh bandingkan sejarah lalu (1970-an) kerana keadaan ketika itu berlainan dan Dr Mahathir dipilih (oleh Tun Hussein Onn), bukan Ghafar yang menjadi Naib Presiden paling kanan kerana kita perlu orang seperti Dr Mahathir ketika itu," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi pula berkata, pemilihan Najib, jika dirasmikan, adalah tepat kerana dia yang terbaik.

Tetapi penyokong Muhyiddin berpendapat, selagi Najib belum diumumkan secara rasmi terutama oleh Abdullah sendiri, selagi itulah pemilihan orang nombor dua masih terbuka.

"Muhyiddin sendiri ada memberitahu penyokongnya bahawa beliau adalah orang yang pertama memberi sokongan kepada Najib jika Najib menjadi pilihan Pak Lah dan diumumkan secara rasmi sebagai Timbalan Perdana Menteri nanti.

"Muhyiddin berpegang kepada prinsip itu dan sebab itu beliau cuma berdiam diri sekarang kerana bakal Timbalan Perdana Menteri belum diumumkan secara rasmi dan cuma dinamakan saja," kata penyokongnya.

Bagi Muhammad Muhd Taib, beliau akur kepada sesiapa saja yang menjadi pilihan pucuk pimpinan sebagai Timbalan Perdana Menteri selepas Oktober tahun depan jika itu akan menjamin kekukuhan Umno.

"Saya adalah mewakili golongan yang tiada jawatan dalam kerajaan dan mesej ini dituju kepada mereka ini iaitu dalam perjuangan parti, patuhlah kepada pemimpin, jangan terlalu mengharap jawatan. Kita bekerja demi bangsa, agama dan negara," katanya ketika ditemui di Alor Star kelmarin.

Apabila Tun Razak Hussein mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Tunku Abdul Rahman, beliau memilih Tun Dr Ismail Abdul Rahman yang ketika itu berada dalam kedudukan nombor tiga di barisan naib presiden, sebagai timbalannya.

Apabila Dr Ismail meninggal dunia, Razak memilih Hussein Onn, juga naib presiden ketiga. Dr Mahathir, juga naib presiden nombor tiga apabila dilantik oleh Hussein sebagai timbalan perdana menteri pada 5 Mac 1976 berikutan kematian mengejut Razak. Pada hal ketika itu, Naib Presiden Umno paling kanan ialah Ghafar, diikuti Razaleigh.

Dua tahun kemudian iaitu pada 1978, Dr Mahathir disahkan ke jawatan Timbalan Presiden Umno.

Jawatan Timbalan Perdana Menteri mempunyai sejarah tersendiri dan sepanjang kewujudan jawatan itu, ia sudah disandang oleh lapan pemimpin iaitu Razak, Dr Ismail, Hussein, Dr Mahathir, Musa, Ghafar, Anwar dan kini Abdullah.

Kali pertama Dr Mahathir menamakan Najib sebagai bakal Timbalan Perdana Menteri ialah pada petang 3 Julai lalu pada majlis perjumpaan dengan jawatankuasa Umno Bahagian Kubang Pasu di Putrajaya.

Pada petang yang sama, Abdullah, Najib, Muhammad dan Muhyiddin berada di tingkat 38, ibu pejabat Umno di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), kira-kira 40 kilometer dari Putrajaya.

Abdullah ketika itu sedang mempengerusikan mesyuarat pengurusan Umno yang turut dihadiri Setiausaha Agung, Tan Sri Khalil Yaakob; Ketua Penerangan, Tan Sri Megat Junid Megat Ayob; Ketua Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein.

Apabila TV1 menyiarkan berita kenyataan Perdana Menteri pada pertengahan siaran berita jam 8 malam (kerana acara lewat habis), orang ramai mula excited dan sejak itu panggilan telefon ke rumah Najib di Jalan Duta mula berdering.

Malah, telefon bimbit dan telefon rumah Muhammad di Kelana Jaya dan Muhyiddin di Damansara juga mula berdering. Ketiga-tiga mereka berada di

rumah masing-masing selepas pulang dari PWTC itu.

Penyokong Najib begitu gembira mendengar berita itu. Najib sendiri yang tidak menjangka namanya disebut terus menghubungi setiausaha akhbarinya, Tengku Sharifuddin yang ketika itu berada di Stadium Hoki, Jalan Duta, bagi mendapat pengesahan lanjut butir berita itu. Pada malam yang sama, Tengku Sharifuddin menerima lebih 20 panggilan ke telefon bimbitnya terutama daripada wartawan yang inginkan ulasan serta merta Najib.

Muhyiddin ketika itu dikatakan sedang makan bersama anak-anaknya di rumah dan hanya sempat mendengar babak terakhir berita televisyen ketika itu. Muhammad pula dikatakan sedang melayan tetamu di rumahnya tetapi tidak mengikuti siaran berita TV sehinggalah menerima panggilan daripada rakannya untuk memberitahu kenyataan Perdana Menteri itu.

Sekali lagi teori RAHMAN menjelma iaitu R adalah Tunku Abdul Rahman, A - Abdul Razak, H - Hussein, M - Mahathir, A-Abdullah dan N?

Tetapi ada yang berkata, teori itu boleh juga menjadi perangkap misalnya ketika orang ramai percaya 99.9 peratus Anwar boleh jadi Perdana Menteri, tetapi abjad A selepas M (Mahathir), rupanya Abdullah (bukan Anwar) dan perhatian kini kepada N.

Apakah N itu membawa makna kepada Najib? Tetapi penyokong Muhyiddin berkata, nama penuh Najib ialah Mohd Najib.

"Itu cuma teori, kita harus akur kepada ketentuan Allah yang maha besar. Jika ditakdirkan orang itu menjadi Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri, maka itulah menjadi pilihan. Kita cuma merancang, tetapi Tuhan menentukan segala-galanya," kata pemerhati.